



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**25 November 2019**

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD, PENGERUSI  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG  
BERHUBUNG  
PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA (FIMI)  
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)**

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen berhubung Program Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1.
2. PAC Parlimen mengadakan prosiding untuk isu ini pada 20 Ogos 2019 dengan memanggil Datuk Suriani Ahmad, Ketua Setiausaha KKMM; Datuk Hans Isaac, Pengerusi FINAS dan Ahmad Idham Ahmad Nadzri, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) FINAS.
3. Dalam prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan mengenai isu-isu:
  - i. Sasaran sekurang-kurangnya 50% daripada dana program FIMI dimanfaatkan oleh pengeluar filem tempatan tidak tercapai kerana hanya lima (5) permohonan projek tempatan bernilai RM12.42 juta (10%) telah

diluluskan dari tahun 2016 sehingga tarikh pengauditan iaitu pada bulan Ogos 2018;

ii. FINAS belum melaksanakan kajian penilaian outcome berkaitan program FIMI;

iii. Pembayaran berjumlah RM1.21 juta diluluskan walaupun permohonan tidak memenuhi syarat ditetapkan;

iv. Unit FIMI tidak menyimpan rekod kewangan, lejar perbelanjaan, resit-resit perbelanjaan dan bil-bil oleh syarikat pemohon yang telah disemak dan disahkan oleh firma audit untuk tujuan pemantauan tuntutan rebat serta pengauditan;

v. FINAS tidak menyediakan kontrak perjanjian bagi perkhidmatan firma audit tetapi menerima pakai terma perkhidmatan yang dikemukakan oleh firma audit dilantik sebagai dokumen kontrak bagi menjelaskan terma perkhidmatan audit; dan

vi. Tiada senarai semak dan laporan pemeriksaan fizikal disediakan untuk 15 projek dari tahun 2013 hingga bulan Jun 2018.

4. Hasil daripada prosiding berkenaan, PAC Parlimen membuat rumusan bahawa:

i. Secara keseluruhan PAC Parlimen berpuas hati dengan maklum balas yang diberikan pengurusan tertinggi FINAS kerana mereka terdiri daripada pemain industri perfileman negara dan mengetahui kesukaran mendapatkan dana bagi menghasilkan filem;

ii. PAC Parlimen juga berpuas hati bahawa kepimpinan baru pengurusan tertinggi FINAS memahami peranan mereka dalam mengembangkan soft power / soft export dan industri kreatif di peringkat antarabangsa;

iii. Walau bagaimanapun, PAC Parlimen mendapati tiada skop dan perincian tuntutan serta kelemahan dalam tatacara tuntutan rebat yang telah menyebabkan ketirisan dan perbelanjaan yang tersasar; dan

iv. PAC Parlimen mendapati bahawa projek FIMI ini yang telah menelan belanja RM244.17 juta daripada tahun 2013 hingga 2018 tidak mencapai matlamat utamanya yang bertujuan untuk membantu perkembangan dan kemajuan industri kandungan tempatan di samping mempromosikan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi penggambaran filem luar negara.

5. Sehubungan itu, Jawatankuasa ini, mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:

i) FINAS perlu melaksanakan penilaian outcome bagi mengukur prestasi dan pencapaian program untuk menggalakkan perkembangan dan kemajuan industri kandungan tempatan di samping mempromosikan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi penggambaran filem luar negara;

ii) FINAS perlu memastikan pengeluaran filem yang kreatif dan berkualiti tinggi serta melahirkan bakat tempatan untuk menarik pasaran antarabangsa;

iii) FINAS perlu menjalankan kajian terperinci sama ada rebat atau pemberian geran adalah mekanisme pembayaran terbaik untuk mencapai objektif utama FIMI;

iv) FINAS hendaklah menyediakan skop dan perincian tuntutan serta menambah baik tatacara tuntutan dan pembayaran rebat di peringkat PC dan FC secara khususnya dan menambah baik proses pembayaran rebat secara amnya bagi mengelakkan ketirisan dan perbelanjaan yang tersasar;

v) FINAS hendaklah memantau dan menyimpan laporan dan kertas kerja pengauditan yang dijalankan oleh firma audit secara teratur;

vi) FINAS harus mengambil kira keperluan meraih manfaat menerusi setiap pelaburan yang dibuat khususnya dalam aspek promosi dan pemasaran; dan

vii) Kontrak perjanjian formal antara FINAS dengan firma audit hendaklah disediakan dengan jelas dan terperinci serta menjamin kepentingan Kerajaan.

6. Orang ramai yang berminat membaca Laporan PAC Parlimen Program Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) berserta dengan *hansard* prosiding boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC Parlimen di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).

Sekian, terima kasih.